

23/08/2015 - Majlis Ramah Mesra Bersama Penjawat Awam Negeri Johor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri;

YBhg. Datuk Haji Aziz bin Mohd Akil

Pegawai Kemajuan Negeri Johor;

YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);

YBhg. Dato' Dr. Mazlan bin Yusoff

Pengarah INTAN Malaysia;

YBrs. Tuan Haji Muhammad Fuad bin Hj. Radzuan

Pegawai Daerah Kluang;

YBrs. Dr. Azani bin Salleh

Pengarah Wilayah

INTAN Kampus Wilayah Selatan;

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan;

Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri Johor;

Hadirin yang dihormati sekalian.

Saudara-Saudari, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama **melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT** kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapatlah kita **bertemu dan berhimpun** di dalam majlis ini. Saya berasa **amat gembira** kerana dapat bertemu dengan para pegawai di negeri Johor yang selama ini menjadi **tonggak dan nadi** perkhidmatan awam di **negeri kelahiran** saya sendiri.

2. Sesungguhnya majlis seumpama ini merupakan satu **wadah pertemuan yang amat baik** buat penjawat awam Persekutuan dan negeri Johor untuk saling **berinteraksi dan mempereratkan silaturrahim**. Saya berharap majlis seperti ini dapat digunakan sebaik-baiknya untuk mengeratkan **jalinan kerjasama bagi membantu mencapai agenda pembangunan Negara**.

CABARAN MASA KINI

3. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini telah mewujudkan fenomena **dunia tanpa sempadan** termasuk kemasukan maklumat-maklumat **tanpa tapisan yang disebarluas dan dikongsi** melalui *Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya. Saya yakin

dan percaya ramai di sini yang aktif menggunakan media sosial. Saya juga mengikuti perkembangan-perkembangan terkini yang berlaku di dalam dan luar negara melalui media sosial.

4. Namun, dalam kita aktif menggunakan media baru ini kita juga harus sedar bahawa terdapat banyak penipuan dan pembohongan yang disebar. Sebagai penjawat awam, kita seharusnya sedar dan bertanggungjawab terhadap apa yang kita sebar di alam maya atau 'cyberspace'. Kita seharusnya dapat menilai dengan bijak dan merujuk kesahihan maklumat tersebut daripada pihak berkaitan terlebih dahulu bagi mengelakkan penyebaran berita-berita palsu dan fitnah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

KEBOCORAN RAHSIA KERAJAAN

5. Sejak kebelakangan ini, kita lihat terdapat banyak maklumat dan dokumen rahsia Kerajaan yang disebar melalui media sosial. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana ia melibatkan hal-hal yang masih dalam pertimbangan Kerajaan dan bukan untuk tatapan umum. Ini boleh menimbulkan persepsi yang negatif terhadap Kerajaan.

6. Perkara ini amat serius dan Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap penjawat awam yang didapati membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan. Kegiatan seperti memalsukan dokumen, membocorkan maklumat serta menyebarkan maklumat sulit dan sensitif akan mengancam keselamatan Negara dan kesejahteraan rakyat.

AMANAH SEBAGAI PENJAWAT AWAM

7. Di sini saya ingin mengingatkan hadirin semua tentang ikrar dan akujanji kita kepada Kerajaan. Sesungguhnya amanah sebagai penjawat awam merupakan satu tanggungjawab yang sangat berat untuk dipikul kerana di bahu kita bersandarnya harapan rakyat dan juga harapan pemimpin Negara. Janganlah kita sesekali lupa dan ingkar kepada amanah ini.

8. Penjawat awam diingatkan untuk terus memberikan **tumpuan dan komitmen** dalam **meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam** kepada rakyat selaras dengan Agenda Transformasi Nasional. Dengan itu, saya menyeru penjawat awam semua agar **tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti** atau perbuatan yang boleh disifatkan sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam dan **menjejaskan ketenteraan dan keselamatan Negara**.

Para hadirin sekalian,

RANCANGAN MALAYSIA KE-11

9. Tumpuan dan fokus penjawat awam sangat penting kerana beberapa bulan lagi, kita akan melangkah masuk ke tahun 2016 yang merupakan **tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia ke-11**. Rancangan ini merupakan **fasa terakhir** Kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 dan menyediakan **asas kepada pembangunan masa hadapan** Negara. Rancangan Malaysia ke-11 akan memberikan fokus kepada pelaksanaan program dan projek dengan **strategi, inisiatif dan outcome yang jelas**.

10. RMKe-11 adalah unik dari segi fokusnya kepada **pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berasaskan modal**. Ekonomi berteraskan rakyat atau **'people economy'** **adalah penting** kerana dalam keghairahan kita untuk mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi dan kekayaan negara perlu diagihkan untuk dinikmati oleh rakyat. Ini dapat dilaksanakan menerusi **sumber kewangan secara langsung atau penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien**. *'People economy'* ini juga memastikan **tiada lapisan masyarakat yang tertinggal** dalam arus pembangunan negara.

STRATEGI LAUTAN BIRU

11. Bagi memastikan kejayaan Rancangan Malaysia ke-11, pendekatan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) perlu diterapkan. Strategi ini menekankan **tiga aspek** dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu inisiatif iaitu **lowcost, high impact dan rapid execution**.

12. Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru ini, tenaga **kerja dapat dijimatkan, karenah birokrasi dapat dikurangkan, pelaksanaan tugas yang lebih pantas** yang akan menghasilkan impak yang lebih ketara dapat direalisasikan. Hasilnya amat berkesan melalui pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan – NBOS yang telah membuahkan hasil dengan **pelaksanaan lebih daripada 80 inisiatif** yang memberikan manfaat kepada rakyat.

13. Antara contoh produk NBOS yang paling mendapat sambutan positif adalah **Pusat Tranformasi Bandar atau Urban Transformation Center** (UTC). UTC Johor yang bertempat di Johor Bahru beroperasi **7 hari seminggu** dan menawarkan **perkhidmatan daripada 34 Kementerian/Agensi Kerajaan dan swasta**. Sejak ditubuhkan tahun lepas, UTC Johor telah menerima lebih daripada **760,000 pengunjung** dengan **kutipan hasil melebihi RM 255 juta**.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Penguasaan Bahasa Inggeris di Kalangan Penjawat Awam

14. Bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan **berjalan dengan berkesan**, satu aspek penting yang saya ingin tekankan adalah **penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan penjawat awam**. Di dalam dunia tanpa sempadan masa kini, pelanggan kita terdiri daripada **pelbagai latar belakang** termasuk mereka yang **bukan warga negara Malaysia**.

15. Statistik menunjukkan bahawa terdapat **1.5 billion orang** yang boleh bertutur di dalam Bahasa Inggeris **diseluruh dunia**. Ini memberikan nisbah sebanyak **21 peratus** penduduk bumi yang boleh bertutur di dalam Bahasa Inggeris.

16. Fakta ini membuktikan bahawa di dalam misi kita untuk mencapai negara maju pada tahun 2020, kita **tidak boleh mengabaikan penguasaan Bahasa Inggeris** yang diterima sebagai

bahasa universal. Di setiap peringkat Kerajaan, samada di peringkat penggubal dasar hinggalah ke kaunter perkhidmatan, **penguasaan Bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan** agar selari dengan keperluan global masa kini.

Perkhidmatan Pelanggan yang Cemerlang

17. Sebagai Jabatan dan Agensi Kerajaan yang ditempatkan di negeri, anda semua memainkan **peranan yang penting dalam membentuk persepsi** rakyat terhadap Kerajaan. Jan Carlzon, di dalam bukunya '*Moments of Truth*' telah menyatakan, "*The real value of a company is the perception of a customer when they use your company's products and services.*" Ini menunjukkan bahawa **pengalaman rakyat** apabila berurusan di kaunter membentuk **persepsi** mereka terhadap Kerajaan.

18. Dengan itu, saya meminta Ketua-Ketua Jabatan agar **memastikan** mereka yang berada di **barisan hadapan** atau '*frontliners*' diberikan **latihan yang secukup-cukupnya**. Mereka perlulah **bersopan** dan **prihatin** terhadap pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh orang awam. Berikanlah pelanggan-pelanggan kita **perkhidmatan yang terbaik** agar mereka pulang dengan persepsi yang **positif** terhadap Kerajaan. Tunjukkan bahawa perkhidmatan Kerajaan **lebih baik** daripada apa yang ditawarkan di **syarikat swasta**.

Para hadirin sekalian,

Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

19. Saya suka mengingatkan kepada semua bahawa **Kerajaan sentiasa prihatin** terhadap kebajikan penjawat awam. Tentu sekali, kenaikan kos barangan dan keperluan kehidupan lain memberikan **impak** terhadap kehidupan seharian kita. Antara cabaran yang dihadapi masa kini adalah **pemilikan rumah** di mana terdapat **ramai penjawat awam yang masih belum memiliki rumah sendiri**.

20. Bagi membantu penjawat awam memiliki kediaman yang **mampu dimiliki dan berkualiti**, Kerajaan telah mewujudkan program **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)**. PPA1M adalah satu **skim rumah mampu milik untuk penjawat awam** berpendapatan rendah dan sederhana yang **menekankan soal keselesaan** dari aspek saiz, kualiti, lokasi dan harga rumah yang bersesuaian. Kerajaan telah menetapkan supaya program ini dilaksanakan dengan sasaran **membina 100,000 unit rumah** mampu milik menjelang tahun 2018. Semalam saya telah **melawat satu projek PPA1M** yang akan dibina berhampiran Hospital Kluang.

21. PPA1M hanyalah satu contoh di antara **pelbagai inisiatif** yang diambil Kerajaan untuk **membantu penjawat awam**. Dengan itu, saya berharap agar semua penjawat awam lebih **peka dan bertanggungjawab** dalam melaksanakan apa jua perkara-perkara yang telah diputuskan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, **sokongan dan kerjasama di semua peringkat** tidak kira sama ada Ketua Jabatan, pegawai pengurusan mahupun kumpulan pelaksana amatlah diharapkan dalam **memastikan kelangsungan serta kelancaran pelaksanaan** keputusan-keputusan tersebut, agar matlamatnya **tercapai dengan jayanya**.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

22. Akhir kata, saya mengucapkan **terima kasih** kepada pihak Pejabat Kemajuan Negeri Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, INTAN Kampus Wilayah Selatan, Pejabat Daerah Kluang serta semua yang terlibat atas penganjuran program yang dilaksanakan. Saya amat gembira dapat beramah-mesra dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian di sebalik kesibukan tugas masing-masing.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2022>